

10/03/2000

Kami perlu bimbingan Malaysia: Gus Dur (HL)

Johari Mohd in Jakarta

JAKARTA, Khamis - Indonesia memerlukan bimbingan Malaysia dalam memulihkan ekonominya yang terjejas teruk supaya ia dapat bersaing semula dengan negara lain, khususnya dalam Asean, kata Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur.

Beliau menamakan dua pengalaman Malaysia yang perlu dipelajari Indonesia, iaitu:

- * Kejayaan Malaysia menangani krisis ekonomi tanpa bergantung kepada bantuan badan-badan antarabangsa seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF); dan

- * Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) selama 20 tahun yang berjaya menentukan pembangunan ekonomi secara lebih saksama.

"Saya akui kami perlu belajar daripada Malaysia yang tidak bergantung kepada sesiapa pun dalam usaha memulihkan ekonominya," kata Gus Dur pada sidang akhbar bersama dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Istana Merdeka, hari ini.

Beliau juga kagum kerana Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik selama 20 tahun sebelum dilanda krisis ekonomi.

Atas kejayaan itu, katanya, Indonesia memerlukan bimbingan bagi memulihkan ekonominya dan akan bekerja keras bersama Malaysia untuk mencapai matlamat itu.

"Sudah sampai masanya Indonesia perlu melihat ke depan untuk bersaing dengan negara lain khususnya dalam Asean," katanya sambil menambah, antara yang menarik perhatian ialah bagaimana Malaysia membasmi kemiskinan melalui DEB.

"Dasar itu membuktikan ia berjaya merapatkan jurang kemiskinan antara kaya dengan miskin. Oleh itu, Indonesia perlu bertukar pengalaman dengan Malaysia mengenai DEB untuk diterapkan di negara ini," katanya.

Bagi mengatasi krisis ekonominya, Indonesia terpaksa menerima pakej bantuan IMF, berjumlah AS\$43 billion (RM163.4 bilion). Bagaimanapun, pakej itu ternyata belum berjaya mengeluarkan Indonesia daripada krisis ekonomi, sebaliknya merebak kepada krisis politik dan sosial.

Ketiadaan dasar ekonomi khusus bagi membantu rakyat pribumi republik ini sehingga menimbulkan jurang yang besar dengan bukan pribumi, memburukkan lagi keadaan sehingga berlaku rusuhan kaum dan agama.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata salah satu cara untuk membantu memulihkan ekonomi Indonesia ialah dengan bertukar pendapat mengenai pengalaman masing-masing.

"Mana yang baik dan sesuai akan diterapkan bersama supaya ekonomi kedua-dua negara bertambah maju," katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan dua hari ke sini mengadakan perbincangan dengan Gus Dur. Ia disusuli dengan mesyuarat delegasi penuh kedua-dua pihak yang menyentuh pelbagai perkara, termasuk:

- * Meningkatkan pelaburan Malaysia di Indonesia sebagai penyertaan dalam proses pemulihan ekonomi negara ini;

- * Penambahan hak pendaratan bagi Penerbangan Malaysia (MAS) ke negara ini dan juga kerjasama MAS dan Garuda dalam usaha 'code sharing';

- * Peningkatan pelayaran kapal antara pelabuhan Tanjung Periok di sini dengan Pelabuhan Klang;

- * Kerjasama bagi mewujudkan pusat kewangan di Brunei Darussalam yang membabitkan negara itu, Malaysia dan Indonesia; dan

- * Meninjau kemungkinan kerjasama bagi mewujudkan jalan darat ke

Indonesia menerusi Brunei.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk mengadakan perbincangan berterusan agar dapat merumus pendirian bersama mengenai globalisasi.

"Kami bersetuju supaya rundingan diadakan antara kedua-dua negara agar dapat mencapai satu pendirian bersama yang boleh diketengahkan pada forum-forum antarabangsa," katanya.

(END)